

WAR 10 ISU DAN CABARAN PENSIJILAN HALAL: SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND

Marliana binti Abdullah, Syaripah Nazirah Syed Ager, Nor ‘Adha Abdul Hamid,
Norazla Abdul Wahab, Wawarah Saidpudin, Surianom Miskam,
Farah Mohd Shahwahid, Norziah Othman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

marliana@kuis.edu.my, nazirah@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my,
norazla@kuis.edu.my wawarah@yahoo.com, surianom@kuis.edu.my,
farahms@kuis.edu.my, norziah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pensijilan halal merangkumi rangkaian proses sesuatu produk termasuk pengurusan sumber, penyembelihan, kawalan kualiti, kebersihan, penyimpanan, penghantaran dan sebagainya. Pelbagai isu dan cabaran boleh dihadapi dalam menguruskan pensijilan halal sama ada daripada badan pengeluar, pengusaha mahupun pengguna. Artikel ini adalah satu kajian perbandingan tentang pengurusan isu dan cabaran pensijilan halal di dua buah negara iaitu Malaysia dan Thailand. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menonjolkan beberapa isu dan cabaran utama yang dikenal pasti dalam pengurusan pensijilan halal di Malaysia dan Thailand serta tindakan yang dilaksanakan bagi menyelesaikan isu-isu tersebut. Metod kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan, analisis dokumen dan temubual bersemuka dengan badan-badan yang terlibat. Dapatan awal kajian ini merumuskan walaupun mempunyai latar belakang agama, kependudukan dan sosio-ekonomi yang berbeza, kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Thailand menghadapi isu dan cabaran yang juga hampir sama dalam menguruskan pensijilan halal. Kerjasama yang erat antara kedua-dua buah negara dalam menyelesaikan isu dan cabaran pensijilan halal adalah jalan terbaik dalam menjadikan industri halal ini terus berkembang dan mempromosikan rantau Asean sebagai hub makanan halal dunia.

Kata kunci : Halal, Pensijilan Halal, JAKIM, CICOT

PENGENALAN

Pensijilan halal bermaksud Sijil Pengesahan Halal (SPH) yang dikeluarkan oleh badan-badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Central Islamic Council of Thailand (CICOT) yang merupakan badan tunggal persijilan halal di negara masing-masing iaitu Malaysia dan Thailand yang diiktiraf oleh kerajaan. SPH juga merujuk kepada dokumen rasmi yang mengatakan status halal sesuatu makanan, premis, barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib (JAKIM, 2014). Di Malaysia

selain JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) juga dibenarkan untuk memperakukan dan mengeluarkan sijil halal (Ahmad Hidayat, 2012)¹.

Pensijilan halal juga merujuk kepada proses pengurusan, penyembelihan, kebersihan, kawalan kualiti, penyimpanan, penghantaran dan sebagainya bermula seawal proses dari ladang ke meja makan “*from farm to table*” atau “*from breeding to retailing*”. Pensijilan ini berasaskan hukum syarak dan tujuan utamanya adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna Islam mengenai status halal sesuatu produk baik berupa makanan, premis makanan, barang gunaan, kosmetik, rumah sembelih, farmaseutikal, logistik atau lain-lainnya. Pensijilan halal juga bertujuan untuk memenuhi budaya pengguna yang mahupun produk yang memberi kesan kesihatan, selamat dan berkualiti. Selain itu ianya sebagai satu nilai komersial perdagangan iaitu “*marketing tools*” untuk meraih pasaran dalam dan luar negara kerana permintaan ke atas produk-produk halal meningkat seiring dengan peningkatan pengguna Islam di dunia. Logo halal juga secara tidak langsung membantu memastikan kualiti halal terjamin (Ahmad Hidayat, 2012).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Industri dan pasaran produk halal di peringkat global semakin menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan selari dengan peningkatan jumlah umat Islam di dunia. Hal ini telah menyebabkan peningkatan permintaan terhadap produk makanan, kosmetik, perubatan dan bahan gunaan halal. Berasaskan kepada potensi ini, Malaysia telah mula mengorak langkah untuk menjadi sebagai hab halal dunia (Ahmad Hidayat, 2012).

Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia di mana kerajaan menyediakan sokongan penuh dalam menggalakkan proses pensijilan halal pada produk dan perkhidmatan. Badan-badan pensijilan halal di negara-negara lain sama ada dibangunkan oleh wilayah individu atau negeri atau disokong oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (HDC, 2015).

Manakala di Thailand, industri halal mempunyai pasaran yang besar jika dibandingkan dengan peratusan Muslim yang hanya 10% daripada keseluruhan. Sehingga hari ini 4600 kilang memproses makanan mendapat pengesahan halal daripada CICOT dan dianggarkan 120,000 produk makanan di Thailand sudah mempunyai logo halal. Ia menjadikan Thailand antara pengeluar produk makanan halal terbesar di rantau Asean. Majoriti produk tersebut adalah untuk pasaran tempatan dan ini membuktikan pengguna Thailand memberi keutamaan pada produk yang selamat (baik- *tayyib*) terutama produk yang mendapat sijil halal.

“Till now they altogether, 4600 food factory, have the halal accreditation, from the central islamic council of Thailand. And one hundred twenty thousand I think food product have a halal certified, this is big market in thailand. One of the biggest food producers. But the majority of food with the halal certification, this is for domestic market only majority. That means

¹ Berikutan pengenalan Akta Perihal Dagangan 2011 yang hanya menetapkan JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dibenarkan untuk mengeluarkan sijil halal. Sebelum ini beberapa badan swasta diberikan kebenaran mengeluarkan sijil halal iaitu seperti Syarikat Bahtera Lagenda Sdn. Bhd., SAS-H Consultancy, Perak Religious Offer Association, Halal Food Council S.E.A dan IFANCA International.

Thai consumer prefer safety product especially in halal certificate. This is the benefited for it.”

(Dahlan, 2015)²

Kerajaan Thailand juga memberi sokongan dengan menyediakan peruntukan kewangan kepada Halal Standard Institute of Thailand bagi tujuan menguruskan hal ehwal agama Islam antara lain untuk mempromosikan industri makanan Thailand sebagai ‘*Kitchen of the World*’ (Halal Standard Institute of Thailand, 2015).

Pensijilan Halal di Malaysia

Pensijilan halal di Malaysia bermula pada tahun 1974 apabila Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan surat pengesahan halal kepada produk-produk yang memenuhi kehendak syarak. Kemudian diikuti pada tahun 1994, pengesahan halal mula diberi dalam bentuk sijil pengesahan berserta logo halal. Pada mulanya Kerajaan Malaysia melantik Syarikat Ilham Daya untuk menjalankan pemeriksaan halal manakala JAKIM mengeluarkan sijil pengesahan halal dan hal ini berlaku pada tahun 1998. Pada tahun 2008 berlaku perubahan di mana pengurusan pensijilan halal Malaysia dikendalikan oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). Tidak lama selepas itu pada tahun 2009 tanggungjawab pengeluaran pensijilan halal telah berpindah secara rasminya kepada JAKIM iaitu pada 1 Ogos 2009. Akta Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1972 (APD 1972) telah dipinda untuk menamakan JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai badan pengeluar tunggal pensijilan halal di Malaysia. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 hanya logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dan MAIN/JAIN diterima pakai dan sah digunakan untuk semua produk, premis makanan dan perkhidmatan premis yang memohon pensijilan halal Malaysia (JAKIM, 2012).

Hakikatnya, perundangan halal di Malaysia sudah termaktub seawal tahun 70-an, namun begitu didapati penyusunan perundangan kurang sistematik kerana tercatat dalam seksyen perundangan yang berbeza iaitu Akta Makanan 1983, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Perlindungan Pengguna. Walau bagaimanapun standard piawaian halal Malaysia mempunyai kelebihan tertentu iaitu mempunyai garis panduan produk halal yang kukuh dan menyeluruh di samping ruang lingkup undang-undang Islam sedia ada membantu pihak penguasa memantau produk halal di Malaysia serta di negara eksport yang mengiktiraf standard halal yang digunapakai oleh Malaysia (Mohd Al’Ikhsan & Siti Salwa, 2015).

JAKIM dan MAIN/JAIN merupakan badan tunggal utama yang mengeluarkan sijil halal di Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan. Bagi produk yang ingin dipasarkan di peringkat nasional dan antarabangsa, permohonan dibuat kepada JAKIM dan sekiranya dipasarkan dalam negara sahaja maka permohonan boleh juga dibuat kepada MAIN/JAIN. Jika sesuatu produk itu dikilangkan di luar Malaysia untuk dipasarkan dalam Malaysia seperti barangan import, pihak pengusaha hendaklah menggunakan pensijilan dan logo halal oleh badan-badan Islam yang telah diiktiraf oleh JAKIM. Sehingga 31 Julai 2015, terdapat 72 badan-badan Islam seluruh negara yang melibatkan 33 buah negara dan 16 badan berautoriti yang mewakili negara masing-masing yang diiktiraf oleh JAKIM kerana mempunyai persamaan

² Temubual bersama Dr Winai Dahlan, Pengarah Halal Science Centre, Chulalongkorn University, 25 Jun 2015.

daripada sudut garis panduan pensijilan halal Malaysia (JAKIM, 2015). Pensijilan oleh badan-badan Islam ini boleh memasuki pasaran Malaysia.

Selain daripada JAKIM, HDC juga antara badan yang secara langsung membantu kepada perkembangan industri halal di Malaysia. HDC telah ditubuhkan pada 18 September 2006 hasil daripada aspirasi YAB Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab halal antarabangsa. Pada peringkat awal penubuhannya, HDC pernah terlibat dalam pengurusan dan pengeluaran sijil halal. Namun tanggungjawab tersebut telah dikembalikan semula kepada JAKIM. Ianya bertujuan untuk membolehkan HDC memfokuskan kepada usaha-usaha pembangunan hub halal di peringkat antarabangsa. Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM, iaitu badan yang telah lama terlibat dalam pensijilan halal.

Objektif utama penubuhan HDC ialah memberi tumpuan kepada pembangunan standard halal dan pembinaan kapasiti bagi produk dan perkhidmatan halal. Berbeza dengan JAKIM yang peranannya lebih tertumpu kepada pensijilan halal, HDC lebih banyak terlibat dengan pembangunan dan promosi industri halal di peringkat Malaysia dan antarabangsa. Selain itu HDC juga berfungsi untuk memantau pembangunan piawaian halal, prosedur audit dan pensijilan dengan tujuan untuk menjamin integriti halal, mengarah dan menyelaraskan pembangunan industri halal Malaysia yang melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan sama ada di sektor awam atau swasta, menguruskan pembinaan keupayaan pengeluar halal dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, menyokong pelaburan kepada industri halal Malaysia, menggalakkan pertumbuhan dan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pasaran halal, membangun, mempromosi dan memasarkan jenama halal Malaysia dan mempromosikan konsep halal dan perkhidmatan dan barangan berkaitan dengannya.

Pensijilan Halal di Thailand

Pentadbiran pensijilan halal di Thailand termasuk dalam akta pentadbiran Organisasi Islam (1997) yang memperakui kedudukan CICOT sebagai badan yang berautoriti untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Thailand. Salah satu bidang kuasa yang diberikan oleh akta ini adalah pengurusan pensijilan halal di Thailand.

“if I am not mistaken its stated clearly that CICOT it the one to incharge the whole Islamic activities in Thailand”

(Sulida, 2015)³

Di Negara Thailand, terdapat 3 buah institusi rasmi yang utama terlibat secara langsung dengan pengurusan pensijilan halal iaitu; CICOT, The Halal Standard Institute of Thailand dan Halal Science Centre (HSC), Chulalongkorn University, Bangkok.

Hakikatnya, pensijilan halal di Thailand bermula sejak tahun 1948 iaitu apabila Sheikul Islam mengendalikan hal ini di pusat penyembelihan. Selepas beberapa ketika iaitu pada tahun 1998 Kementerian Industri telah menjadikan Codex Halal Standard sebagai Thailand's Halal

³ Temubual bersama Mrs Sulida, Halal Science Centre, Chulalongkorn University, 25 Jun 2015.

Standard. Akhirnya pada tahun 2001, CICOT membentuk peraturan bagi Pensijilan/Akreditasi Halal bagi negara Thailand. Bermula pada tahun 2003 kerajaan Thailand telah memberi sokongan dalam bentuk kewangan bagi membangunkan industri halal melalui penubuhan The Halal Standard Institute of Thailand di bawah pemantauan CICOT, begitu juga penubuhan Central Laboratory and Science Information Centre bagi pembangunan makanan halal di Chulalongkorn University, Bangkok (Halal Standard Institute of Thailand, 2015).

CICOT merupakan badan Agama yang tertinggi di Thailand. Ia ditubuhkan secara rasmi di bawah akta 340- Akta Pentadbiran Organisasi Islam (1997) dalam perlembagaan Thailand dan terletak di bawah kuasa Parlimen. Ini menjadikan pentadbiran hal ehwal berkaitan agama Islam dapat diuruskan secara berpusat dan mempunyai bidang kuasa yang tersendiri.

Berkaitan logo halal di Thailand, ia hanya boleh dikeluarkan oleh CICOT dengan disahkan oleh Sheikhul- Islam. Walau bagaimanapun permohonan logo halal bagi sesuatu produk boleh dikemukakan sama ada di wilayah masing-masing atau CICOT. Bagi 39 wilayah yang mempunyai ahli jawatankuasa masing-masing, permohonan boleh dikemukakan di wilayah manakala yang bakinya 38 wilayah perlu mengemukakan permohonan mereka ke CICOT.

“This halal certification see this provinces cannot give halal logo. Halal logo it only to be sign by syekhul islamic of Thailand. So it is step by step. When you have the halal certificate that means you can use it, for your product”

(Sulida, 2015)

Manakala The Halal Standard Institute of Thailand diwujudkan di bawah pentadbiran CICOT pada 11 Ogos 2003. Tujuan utama institusi ini ditubuhkan adalah untuk membentuk standard, menjalankan kajian, menjalankan latihan dan kursus berkaitan serta mengawal selia hal ehwal halal di Thailand.

Selain The Halal Standard Institute of Thailand, HSC juga adalah salah satu badan yang membantu CICOT dalam pensijilan halal di Thailand. Ia merupakan badan yang berasingan ditubuhkan di Universiti Chulalongkorn Bangkok di bawah Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu yang bertindak sebagai unit sokongan kepada pensijilan halal di Thailand. HSC memainkan peranannya memberi nasihat dan memantau di peringkat awal pemprosesan bahan mentah di kilang sehinggalah sesuatu produk halal terbentuk. Selain itu sekiranya terdapat keperluan untuk melakukan analisis makmal terhadap produk tertentu berkaitan kandungan bahan, tugas ini akan dilaksanakan oleh HSC. Prosedur seterusnya melibatkan laporan kepada CICOT tentang keputusan analisis oleh HSC. CICOT kemudiannya akan membuat keputusan berkaitan hal tersebut.

“We separate. we only supporting unit of this halal certification that means anything be included that we have the system, we go to the food factory and all system in that factory. So that we could produce halal product, halal from beginning. From the raw material, process an all that. That’s it. Our duty. If you send product for analysis, then we just analyze whether it is contaminated with fatty acid, dna, fore side dna our travel. So when you send the product to us, the thing is it free of those halal contamination. It up to religion. You know ulama, who are the own to fatwa, whether its halal. It

not our duty okay. We have the separate duty in halal certification in Thailand”

(Sulida, 2015)

Secara umumnya HSC adalah penggerak utama dan pertama dalam sains halal yang mempunyai misi yang khusus iaitu:

- i. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan berkaitan inovasi dalam sains halal dan teknologi.
- ii. Memberi pendidikan berkaitan sains halal kepada organisasi-organisasi bagi membantu kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.
- iii. Memberi kerjasama dan sokongan kepada organisasi yang terlibat dalam projek atau kajian sains halal sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- iv. Melaksanakan tugas-tugas yang diberikan dari semasa ke semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Method kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan, analisis dokumen dan temubual bersemuka dengan badan-badan yang terlibat. Temubual tidak berstruktur telah dijalankan bersama Encik Surin Palarea, Setiausaha Agung CICOT, Prof. Dr. Winai Dahlan, Pengarah HSC University Chulalongkorn dan Mrs Sulida, HSC. Manakala di Malaysia, temubual telah dijalankan dengan Encik Mohd Salleh Ariff, Penolong Pengarah, dan En Jafri Abdullah, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Halal JAKIM serta Encik Mohamed Romzi Sulaiman, Pengurus Kanan HDC. Beberapa perkara utama difokuskan dalam perbincangan kertas kerja ini, antara lain peluang dan kelebihan pensijilan halal di kedua-dua buah negara serta isu dan cabaran yang dihadapi dalam mengembangkan industri halal di negara masing-masing.

HASIL KAJIAN

PELUANG DAN KELEBIHAN PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA DAN THAILAND

Sejak tahun 1974, JAKIM memainkan peranan penting sebagai badan pengakreditasi untuk pensijilan makanan dan produk halal dalam negara. Diikuti pada tahun 1994, penggunaan logo halal yang seragam untuk produk yang mendapat pensijilan halal JAKIM. Penambahbaikan daripada semasa ke semasa menjadikan skim pensijilan halal Malaysia ditingkatkan kepada tujuh kategori iaitu produk makanan/minuman, premis makanan/hotel, barang gunaan, kosmetik dan dandanan diri, rumah sembelih, farmaseutikal dan logistik (JAKIM, 2014). Selain itu, dalam usaha membimbing pengusaha industri untuk aktiviti pengilangan, penyediaan, pengurusan dan penyimpanan produk halal, satu piawaian halal yang dikenali sebagai MS1500:2004 telah dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Standard ini telah diterima pakai sebagai piawaian antarabangsa untuk penghasilan makanan halal. Namun pada tahun 2009, penambahbaikan telah dilakukan untuk memenuhi keperluan terkini industri halal dengan

memperkenalkan MS1500 dengan versi baru. Standard Malaysia MS1500:2009⁴ Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua) telah menggabungkan garis panduan keselamatan berdasarkan MS1480:2007 Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP – *Hazard Analysis and Critical Point Analysis System*), MS1514:2009 Amalan Pengilangan Baik (GMP - *Good Manufacturing Practice*)⁵, MS1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti –Keperluan dari Perspektif Islam, akta-akta, garis panduan serta protokol lain yang berkaitan. Di samping itu, piawaian ini juga selari dengan standard kualiti antarabangsa seperti ISO9001 dan Codex Alimentarius (Nurulaina, 2015).

Pada tahun 2011, JAKIM telah membangunkan Sistem Jaminan Halal (*Halal Assurance Management System*) sebagai satu inisiatif untuk membantu pemegang dan pemohon sijil halal dalam memastikan pengurusan proses penghasilan produk halal terjamin sepanjang rantaian bekalan makanan di samping memastikan status halal mentah, proses dan produk halal terjamin dan dipantau secara berterusan. Piawaian ini mensyaratkan organisasi yang memohon pensijilan halal agar membentuk satu jawatankuasa halal dalaman yang bertanggungjawab untuk menjalankan Sistem Jaminan Halal dalam organisasi mereka. Pada tahun 2013, penguatkuasaan Sistem Jaminan Halal telah diwajibkan terhadap syarikat makanan halal antarabangsa sebagai persediaan memohon pensijilan halal.

Selain itu, Malaysia juga menjadi pengerusi kepada Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan telah menjadi hab Halal Dunia pada tahun 2010. Selaras dengan itu, Malaysia merupakan negara pertama dunia yang memperkenalkan standard halal secara menyeluruh dan meluas konsepnya melalui penggunaan e-halal. Di samping Malaysia dalam hal tertentu, mendahului negara-negara lain dengan kejayaan JAKIM menjadi badan persijilan pertama di dunia yang mengguna dan mengesahkan pengeluaran produk farmaseutikal halal. Walaupun hal ini masih baru, MS2424:2012 Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum, mampu membantu pengeluar atau pengilang menghasilkan produk ubatan patuh syariah (Mohd Al'Ikhsan & Siti Salwa., 2015a). Tidak dinafikan faktor geografi Malaysia yang spesifik dan strategik juga secara tidak langsung membantu dalam memastikan keseragaman aplikasi standard halal di seluruh negara. Keadaan ini berbeza dengan negara-negara yang mempunyai bentuk muka bumi yang luas dan berpulau seperti Indonesia kerana kemungkinan memastikan keseragaman standard halal itu sukar dan mengambil masa yang lama oleh pihak yang dilantik.

Menurut Mahani (2014), Thailand telah menunjukkan potensi yang besar dalam pasaran produk halal apabila negara tersebut telah berjaya menempatkan diri pada tempat kelima dalam penguasaan pasaran produk halal global pada tahun 2009. Hal ini membantu kepada proses memperkasakan persijilan dan industri halal di Thailand dan secara tidak langsung dapat memenuhi hasrat kerajaan Thailand untuk mempromosi dan menjadikan negaranya sebagai “*kitchen of the world*” (Halal Standard Institute of Thailand, 2015). Di samping tidak menafikan wujud jaringan agensi yang efisien dan efektif antara CICOT, The Halal Standard

⁴ Kelebihan MS1500:2009 ialah penekanan terhadap nilai-nilai Islam dan pegangan terhadap prinsip Islam seperti menjamin kualiti dan standard produk dan perkhidmatan yang berterusan yang akan dipastikan melalui *surveillance audit* (pengawasan). Proses makanan, aspek pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan juga menjadi garis panduan kepada pengeluar dalam memastikan produk yang dihasilkan adalah benar-benar menepati maksud halal yang ditetapkan oleh Islam (Mohd Al'Ikhsan & Siti Salwa, 2015a).

⁵ GMP dan HACCP diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai sistem jaminan kualiti dalam proses penghasilan makanan.

Institute of Thailand dan HSC, University of Chulalongkorn akan mempercepatkan hasrat tersebut direalisasikan.

Akta 340 – Pentadbiran Organisasi Islam (1997) memperuntukkan, pengurusan CICOT akan dipengerusikan oleh Sheikhul Islam dan dibantu oleh 39 Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh jawatankuasa Islam wilayah dan Lembaga Pengarah lain yang dilantik oleh Sheikhul Islam bagi tempoh jawatan 6 tahun. Akta ini secara jelas menjadikan pejabat Sheikhul Islam sebagai institusi rasmi yang mandiri dan bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran Islam di Thailand. Jawatan Sheikhul Islam dilantik dengan perkenan Raja Thailand atas nasihat Perdana Menteri. Thailand mempunyai 77 wilayah dan hanya 39 wilayah diwakili oleh ahli jawatankuasa masing-masing dalam CICOT. Ahli jawatankuasa ini akan dipilih sebagai ahli Majlis Islam di wilayah masing-masing bagi mewakili wilayah mereka di CICOT.

“We have about more than 70 provinces in Thailand. But we have only 39 convinces in Islamic Committee. And this islamic committee provinces will selected central islamic council of thailand. So this is pyramid that means islamic central islamic council of thailand has been established by the act, administration act 1997. This contributed select Islam as a chairman of CICOT”

(Sulida, 2015)

Penerangan di atas memperlihatkan struktur pengurusan pensijilan halal di Thailand, yang bukan hanya terdiri daripada sebilangan kecil wakil tetapi oleh sekumpulan individu Muslim dari pelbagai peringkat hierarki masyarakat Islam di Thailand. Hal ini menjadikan CICOT suatu institusi yang kuat dan ampuh untuk melaksanakan fungsi dan peranannya dalam industri halal.

“So, this is the structure of halal certification in Thailand. it means halal certification of Thailand not only define by few people, or only a group of people, its going by can see by muslim population as a part in this halal certification by this kind of population in this pyramid. So its very strong organization as we can see that some other country do not have this”

(Sulida, 2015)

HSC adalah salah satu badan yang membantu CICOT dalam pensijilan halal di Thailand memainkan peranan memberi nasihat dan pemantauan di peringkat awal pemprosesan bahan mentah di kilang sehinggalah sesuatu produk halal terbentuk. Selari dengan peranan tersebut, HSC juga telah membentuk suatu sistem yang dikenali sebagai Halal Assurance and Liability Quality System (HAL-Q). Ia merupakan sistem pengurusan kualiti bagi memastikan halal dan selamat (halal dan *tayyib*) sesuatu produk mengikut Standard Halal; dan juga memastikan pengusaha bertanggungjawab terhadap kecacatan produk.

Proses HAL-Q melibatkan beberapa prosedur utama iaitu penyediaan dokumen yang diperlukan, kursus dan latihan yang berbeza melibatkan semua peringkat (pengusaha, pengarah urusan dan kumpulannya serta pekerja), perundingan yang melibatkan pakar memberi nasihat berkaitan sistem, dokumen dan proses yang dilaksanakan di kilang bagi memastikan produk halal dan prosedur terakhir ialah penilaian daripada Ketua Auditor HSC dengan kerjasama ahli agama The Islamic Committee of Province (ICOPs) dan CICOT. HSC

juga secara tidak langsung akan membantu pengusaha melaksanakan Standard Halal yang terpakai di kilang-kilang mereka. Hal ini merupakan cabaran terbesar yang perlu dihadapi dan ia dilaksanakan seiring dengan sistem HAL-Q.

“But if they need to have standardisation system they come to us, to halal science centre, they will work together to implement the standard to factory. This is more complicated for halal standardisation. And this is the way for implementing halal standardisation system with the Hal-Q system”

(Winai, 2015)

HAL-Q juga disokong dengan program ICT bagi memudahkan pengguna membuat semakan status halal terhadap sesuatu produk hanya menerusi telefon tangan dengan menggunakan aplikasi yang berkaitan. Selain itu *e-commerce* juga membantu industri halal kerana kebanyakan daripada pengusaha tidak mempunyai strategi dan kepakaran dalam memasarkan produk halal yang telah dihasilkan.

“Then we have system called Hal-Q. another point, another one is about the ICT, they develop many programme, as example how we use telephone QR code reading and bar code to simplify the verification of halal in the product. Do you like to know halal status in product then only use application from the mobile phone. Another is e-commerce. You know the manufacturer that produce halal food they want to sell, sometime they don't know then we have to sometimes setup the expo for them, setup the class for the be to be, setup network for them, and then they try to have the channel to sell the product, e-commerce, setup system for them”

(Winai, 2015)

Analisis makmal berkaitan pengesahan status halal sesuatu produk merupakan jalan yang terakhir. Melalui sistem HAL-Q, pihak yang terlibat iaitu HSC akan melakukan audit pada dokumen yang berkaitan melalui sistem, melakukan temu bual secara bukan bersemuka (telefon) bagi memastikan kesahan logo halal yang digunakan.

“Then some sample sent to the lab. This is our lab. And its not necessary to go directly to the lab. Firstly, we check the document, documentation system. Secondly interview the people involved, sometime we call to factory, do you have halal certificate to this product? This is from where. From JAKIM. They accepted. They not necessary to check with the lab. Because its more expensive with the lab”

(Winai, 2015)

HSC dengan kerjasama CICOT dan Halal Standard Institute of Thailand akan menganjurkan Thailand Halal Assembly 2015 yang dijadualkan pada 25-27 Disember 2015 di Bangkok Thailand. Bertemakan *“Thailand Diamond Halal To The World”*, melibatkan aktiviti seperti seminar berkaitan industri dan aktiviti perniagaan sains halal, ekspo halal Thailand dan konvensyen berkaitan standard dan pemasaran halal. Aktiviti seperti ini secara tidak langsung akan membina jaringan untuk kerjasama antara negara bagi memenuhi hasrat mengeluarkan produk halal bagi keperluan pengguna Islam dan bukan Islam.

“That time we have called halal diamond but now we have, real diamond halal. Diamond jump out, we know to provide service for our friend, in the foreign country like Malaysia, necessary for you to setup the network, try to work close together. Halal to made the wish that halal be provided for consumer, muslim and non muslim”

(Winai, 2015)

ISU DAN CABARAN PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA DAN THAILAND

Ketiadaan peruntukan undang-undang halal yang khusus

Cabaran utama industri halal di Malaysia adalah dari sudut perundangan kerana sehingga hari ini, Malaysia tidak mempunyai Akta Halal yang terpakai ke seluruh negara. Tujuan keperluan kepada Akta Halal ini adalah untuk memberi kuasa secara terus kepada pihak agensi kerajaan pusat seperti JAKIM untuk memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang yang sebelum ini berperanan sebagai badan yang mengendalikan persijilan halal di Malaysia. Setakat ini kuasa memantau dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan penggunaan logo halal terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pegawai JAKIM akan terlibat dalam penguatkuasaan melalui perlantikan yang dibuat oleh kementerian tersebut sebagai Penolong Perihal Dagangan (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012).

Sekiranya Akta Halal dapat direalisasikan seperti mana yang dicadangkan, pegawai JAKIM akan mempunyai bidang kuasa sendiri dan tidak perlu bergantung pada KPDNKK. Penyelarasan perkara-perkara yang berkaitan halal yang kini berada di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti kementerian kesihatan, kementerian pertanian dan pihak berkuasa tempatan dapat dilaksanakan. Namun hal ini sudah tentu mewujudkan isu dan cabaran lain terutama dalam perkara berkaitan aspek-aspek teknikal kerana ia melibatkan pengambilalihan beberapa bidang kuasa yang ada dalam agensi-agensi lain untuk diletakkan di bawah JAKIM. Menurut Ahmad Hidayat & Zulzaidi (2012) persoalan lain yang lebih utama ialah penggubalan Akta Halal akan menyentuh sesuatu di bawah bidang kuasa negeri iaitu berkaitan dengan agama Islam yang akhirnya akan menimbulkan isu perlembagaan.

Sama seperti Malaysia, Thailand sehingga hari ini tidak mempunyai Akta Halal yang khusus. Pentadbiran pensijilan halal di Thailand termasuk dalam Akta pentadbiran Organisasi Islam (1997) yang memperakui kedudukan CICOT sebagai badan yang berautoriti untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Thailand. Salah satu bidang kuasa yang diberikan oleh akta ini adalah pengurusan pensijilan halal di Thailand.

Integriti daripada pihak pengusaha produk halal

Antara isu yang dilihat menyumbang kepada kekangan pengurusan kualiti standard halal melalui penggunaan piawaian halal MS1500:2009 ialah mengenai isu integriti halal dalam operasi pengeluaran makanan. Hal ini perlu diberi perhatian secara komprehensif yang melibatkan aspek jaringan bekalan makanan iaitu daripada ladang hingga ke meja makan

(*farm-to-fork*). Integriti individu yang terdiri daripada pekerja, pengusaha atau pengurus yang terlibat dalam mematuhi standard yang ditetapkan adalah diragui. Menurut Mohd Al'Ikhsan & Siti Salwa (2015a) kebanyakan pengusaha makanan tidak lagi mengamalkan piawaian kualiti makanan yang ditetapkan oleh MS1500:2009 setelah produk mereka memperoleh pengiktirafan halal daripada JAKIM.

Memandangkan 99% pengusaha produk halal di Thailand terdiri daripada bukan Muslim, jadi cabaran berkaitan integriti mereka untuk mematuhi prosedur standard halal yang telah ditetapkan oleh CICOT secara berterusan perlu ditangani secara komprehensif dan berkesan. Program berkaitan pendidikan kepenggunaan halal perlu dirancang dengan teliti serta dilaksanakan daripada semasa ke semasa di segenap lapisan masyarakat terutama dalam kalangan pekerja dan pengusaha sesebuah organisasi yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang mendapat pensijilan halal. Juga tidak dinafikan aspek penguatkuasaan yang dilakukan secara berkala pada kadar kekerapan yang tinggi dan munasabah mampu membantu menangani hal ini secara tidak langsung. Di samping wujudnya aspek pendakwaan bagi syarikat atau pengusaha yang terbukti melakukan kesalahan yang berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap akta atau standard halal yang telah ditetapkan.

Ketidakupayaan pemasaran yang efisien dan efektif bagi produk halal

Populasi Muslim di dunia meningkat pada kadar dua kali lebih cepat berbanding dengan populasi bukan Muslim dengan kadar pertumbuhan tahunan masing-masing sebanyak 1.5% dan 0.7%. Populasi Muslim dunia dijangkakan meningkat kepada 35% dalam dua dekad akan datang. Dengan merujuk kepada tren pertumbuhan semasa, populasi Muslim akan mencapai 2.2 bilion dalam 20 tahun akan datang, menjadikan 26.4% daripada populasi masyarakat dunia. Populasi Muslim yang besar adalah pengguna yang berpotensi bagi produk yang mendapat persijilan halal. Begitu juga populasi Muslim dijangkakan bertambah dua kali ganda (daripada 5.25 juta kepada 10.5 juta) dan menghampiri tiga kali ganda (daripada 44.1 juta kepada 58.2 juta) di Eropah pada tahun 2030 (Md Mahfujur & Sharifah Bee, 2015). Laman web World Muslim Population (2015) melaporkan populasi Muslim pada tahun 2013 ialah 2.04 bilion dan peningkatan kepada 2.08 bilion pada tahun 2014. Dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.84%, Benua Asia mendahului dengan peratusan populasi Muslim yang paling tinggi iaitu 68.2% (1389.5 juta), diikuti dengan Benua Afrika iaitu 28.5% (581.58 juta), Benua Eropah 2.76% (56.18 juta) dan lain-lain (Amerika Utara, Amerika Selatan dan Ocean) adalah sebanyak 0.58%. Berdasarkan fakta di atas, permintaan kepada produk dan perkhidmatan yang mendapat persijilan halal dijangkakan akan meningkat selari dengan peningkatan populasi Muslim dari tahun ke tahun. Oleh itu pemasaran yang efisien dan efektif bagi produk halal sama ada dilakukan oleh pengusaha atau badan yang berautoriti sangat diperlukan.

Menurut Sazelin (2009) cabaran dalam pemasaran produk halal di Malaysia juga wujud disebabkan masalah penjenamaan. Masalah ini wujud mungkin disebabkan sesetengah barangan itu mempunyai jenama yang langsung tidak bercirikan Islam atau halal. Kesilapan begini menjadikan sesuatu barangan yang halal kelihatan tidak halal. Ini boleh menghalang aliran barangan daripada pengeluar atau pengusaha kepada pengguna. Hakikatnya keyakinan terhadap barangan dan keterampilannya adalah perkara penting bagi menjayakan pemasaran produk tersebut kepada sasarannya.

Bagi memastikan usaha berterusan dan efektif dalam mempromosikan produk halal Thailand kepada dunia, kerajaan Thailand telah mewujudkan agensi khusus dalam melaksanakan peranan tersebut. Dengan kerjasama sub-jawatankuasa di bawah penyelarasan makanan export dan akreditasi makanan halal di bawah Biro Komoditi Asas Tani dan Standard Makanan dan The Halal Standard Institute of Thailand di bawah CICOT telah membentuk sistem akreditasi makanan halal Thailand yang mematuhi standard antarabangsa dan standard produk halal United Arab Emirates (UAE). Sistem ini diwujudkan bagi memberi pendidikan, menambahbaik dan menggalakkan lebih ramai pengusaha yang berminat untuk menawarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa.

Walaupun wujud usaha yang terancang di pihak yang berautoriti bagi menggalakkan penglibatan pengusaha sama ada Muslim atau bukan Muslim dalam industri halal di Thailand melalui pendidikan kepenggunaan namun pada persepsi pengusaha adalah sebaliknya. Ini dapat dibukti melalui dapatan kajian Mahani (2014) yang melaporkan purata skor min bagi penyebaran maklumat oleh hub halal adalah rendah menggambarkan bahawa responden mempunyai persepsi yang skeptikal terhadap agensi yang terlibat dalam menyebarkan maklumat berkaitan halal. Sehingga hari ini Thailand belum lagi mempunyai agensi khusus seperti HDC yang berperanan dalam mempromosikan industri halal di Malaysia sama ada kepada pengusaha atau pengguna.

“Sekarang ini belum ada lagi mungkin pihak halal akan cuba mengada bahagian promosi sendiri untuk mengenalkan halal”.

(Palarea, 2015)⁶

HDC turut memainkan peranan dalam menggalakkan syarikat-syarikat sederhana dan kecil (SME) untuk memohon sijil halal bagi memasuki pasaran luar negara. Mengambil contoh negara Thailand yang mempunyai majoriti penduduk bukan beragama Islam tetapi mereka aktif dalam membuat permohonan sijil halal bagi memasarkan produk-produk mereka ke negara luar. Terkini HDC juga mengadakan kempen-kempen kesedaran mengenai produk halal di pelbagai lapisan masyarakat antaranya dalam kalangan pelajar-pelajar IPTA, IPTS serta pelajar-pelajar sekolah menengah, rendah dan kanak-kanak.

“Terkini kempen-kempen kesedaran adalah kepada syarikat SME, pelajar IPTA/IPTS termasuk kanak-kanak. HDC telah menerbitkan dua buah buku bergambar kanak-kanak mengenai kesedaran mengenai produk halal”.

(Mohd Romzi, 2015)

HDC turut terlibat dalam menjayakan beberapa program nasional dan antarabangsa seperti *Halal Food Festival* (Halal Fest) dan *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) sebagai salah satu usaha untuk mempromosikan jenama halal. Program-program ini antara lain bertujuan untuk memperkenalkan produk-produk halal Malaysia selain bertukar fikiran dan pandangan dengan pakar-pakar pelbagai bidang dari pelbagai negara berkaitan industri halal. Selain itu, HDC turut mengadakan beberapa siri latihan dan konsultasi kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk mendapatkan sijil halal terutamanya syarikat-syarikat SME.

⁶ Temubual bersama Encik Surin Palarea, Setiausaha Agung CICOT, 24 Jun 2015.

“Sekarang ini kita membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana cara untuk membuat permohonan mendapatkan sijil halal untuk produk mereka. Kita ajar mereka dari A-Z”.

(Mohd Romzi, 2015)

HDC juga sering dikunjungi dan menjadi tempat rujukan beberapa negara luar seperti Thailand, Jepun, dan sebagainya dalam mempelajari perkara yang berkaitan dengan industri halal.

“Baru-baru ini kita dikunjungi oleh delegasi dari Jepun. Mereka cepat belajar dari kita dan yang menariknya mereka terus mengaplikasikannya di pasar raya mereka. Sekarang ini di pasar raya mereka, turut diletakkan satu corner untuk produk-produk halal”.

(Mohd Romzi, 2015)

Penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang berkaitan penggunaan logo halal

Secara umumnya, pihak JAKIM akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan sijil halal. Kajian Zulkifli (2009) mendapati pemantauan yang dilakukan oleh pihak JAKIM adalah secara berkala dan berdasarkan aduan yang dibuat oleh pihak awam. Selain itu pemeriksaan yang dijalankan adalah mengikut tiga kategori iaitu produk makanan, rumah sembelih dan premis makanan. Kebanyakan pemeriksaan adalah hasil usaha inisiatif JAKIM sendiri dan hanya 20.7% berdasarkan aduan. Dapatan kajian Zulkifli (2009) mendapati kekerapan pemantauan yang dilakukan oleh pihak JAKIM agak tinggi iaitu 707 dengan purata kekerapan 60 kali bagi setiap bulan. Berdasarkan pemantauan yang dilakukan, hanya 2.9% syarikat telah diambil tindakan tarik balik (3 syarikat), dan digantung sijil (18 syarikat) manakala yang lainnya 271 syarikat dikategorikan komited, 209 syarikat diberi peringatan, dan 206 dikategorikan lain-lain. Hal ini membuktikan kebanyakan syarikat memenuhi syarat pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Berdasarkan fakta yang dikemukakan di atas, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian antaranya sejauh mana keberkesanan penguatkuasaan yang dilakukan oleh JAKIM daripada sudut undang-undang. Peruntukan undang-undang sedia ada hanya membenarkan JAKIM menarik balik pensijilan halal tersebut tanpa ada bidang kuasa untuk mendakwa di mahkamah. Sebarang pendakwaan akan dijalankan oleh KPDNKK sedangkan kebanyakan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh JAKIM. Menurut Zulkifli (2009) dalam kes-kes aduan awam atau diklasifikasikan kes “panas” menjadi amalan JAKIM melakukan operasi bersepadu bersama KPDNKK, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JAIN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagi kes pemantauan biasa hanya pegawai JAKIM akan melakukan penyiasatan dan pemeriksaan dan ia mesti melibatkan Pegawai Syariah dan Pegawai Sains.

Secara ringkasnya fungsi JAKIM hanya terbatas untuk mengesahkan kesalahan dalam isu halal di samping menjadi saksi bagi kes-kes tersebut. Manakala KPDNKK mempunyai kuasa menyita, mengkompaun dan mendakwa pemilik mana-mana syarikat sekiranya terbukti kesalahan yang dilakukan. Sepatutnya sebagai sebuah badan yang mengeluarkan sijil halal, ia juga patut diberikan kuasa yang lebih bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan dalam ruang lingkup produk halal.

Seperti yang telah dibincangkan, aspek pendakwaan dilakukan oleh KPDNKK yang bukan sahaja melakukan pendakwaan pada kes produk halal malahan pada pelbagai kes yang lain. Menurut Zulkifli (2009) KPDNKK juga tidak mempunyai unit khas bahagian pendakwaan halal sedangkan JAKIM mempunyai Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan sendiri. Umumnya, wujudnya kekurangan daripada sudut keberkesanan apabila aspek penguatkuasaan dan pendakwaan dilakukan oleh dua pihak yang berbeza. Walaupun daripada semasa ke semasa berlaku penambahbaikan antara lain pemberian kad kuasa oleh KPDNKK kepada pegawai JAKIM. Kad kuasa tersebut memberi kuasa kepada pegawai JAKIM dan JAIN memasuki premis atau syarikat bagi melakukan penyiasatan, pemeriksaan dan sekiranya ada pemilik yang menghalang tugas tersebut, maka ia boleh didakwa di bawah akta sedia ada. Setakat kajian Zulkifli (2009), terdapat beberapa kes telah dibawa ke Mahkamah Sivil, namun tiada kes yang melalui proses perbicaraan kerana semuanya diselesaikan di luar mahkamah iaitu melalui pembayaran kompaun.

Manakala di Thailand cabaran ini menyentuh perkara berkaitan kekurangan penguatkuasaan oleh CICOT dalam memantau penggunaan logo halal yang akan menyebabkan keraguan dalam kalangan orang awam berkaitan kesahihan akan halal produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Dalam kalangan kementerian kerajaan melihat kurangnya bantuan dan kerjasama yang diberikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada CICOT. Hanya dengan penguatkuasaan yang ketat sahaja menjadikan logo halal itu dilihat lebih berwibawa dan bermakna. Hakikatnya, kekurangan kerjasama dalam kalangan badan-badan berautoriti pensijilan halal akan menimbulkan keraguan dalam kalangan pengguna Muslim akan kesahihan dan kebolehpercayaan terhadap proses pensijilan halal tersebut (John Walsh).

Tidak dinafikan bagi tujuan pengawasan, CICOT juga mengadakan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang berkaitan seperti kementerian pelancongan dan lain-lain. Pemeriksaan secara berkala diadakan setiap tahun bagi memastikan pematuhan standard halal diikuti dalam setiap aspek termasuk penggunaan bahan, alat-alatan dan kemudahan asas yang disediakan. Antara kementerian lain yang terlibat adalah Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan lain-lain. Langkah kerjasama ini diambil sebagai usaha untuk memastikan pensijilan halal ini mendapat sambutan dan berjaya mencapai matlamatnya. Oleh itu dalam hal ini pihak CICOT perlu melakukan pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berkala dan kekerapannya ditingkatkan, untuk memastikan pengusaha Muslim dan bukan Muslim mematuhi standard halal yang telah dikeluarkan dan tidak hanya bergantung pada aduan yang dikemukakan oleh orang ramai.

Kesedaran pengusaha untuk memohon sijil halal

Dapatan kajian Noor Fiteri & Masnisah (2015) mendapati kesedaran pengguna adalah paling kritikal apabila hal ini dirujuk kepada Bahagian Penyelidikan dan Hab Halal di Perlis. Pengusaha tidak merasakan dengan adanya sijil halal boleh memberi manfaat yang banyak kepada mereka. Hal ini kerana mereka masih boleh berniaga dengan baik dan mempunyai pengguna tetap yang tersendiri. Bagi pengusaha, proses mendapatkan sijil halal memerlukan pertambahan kos tertentu menyebabkan mereka hilang minat untuk meneruskan niat mendapatkan logo halal bagi produk atau premis mereka. Contohnya dalam kes tertentu, bagi mendapatkan pensijilan halal perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh ahli

Jawatankuasa JAIN (sekiranya permohonan mendapatkan sijil halal dikemukakan ke institusi tersebut), Pejabat Perdagangan dalam Negeri, KPDK, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Majlis Perbandaran dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MaQiS). Dalam kes pengusaha pusat penyembelihan ayam yang diusahakan oleh orang Islam, bukan hanya perlu mendapat sijil tauliah penyembelihan tetapi perlu melepasi ujian kesihatan dan kebersihan daripada Jabatan Kesihatan. Selain itu perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Veterinar dan juga mempunyai dokumen import daripada MaQiS jika haiwan tersebut diimport daripada luar negara. Rentetan daripada kesukaran yang mungkin timbul untuk memenuhi keperluan tersebut ditambah dengan keperluan dana kewangan untuk mengubah premis mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh ahli jawatankuasa pensijilan halal menyebabkan pengusaha kurang bersungguh untuk mendapatkan sijil halal bagi produk atau premis mereka (Noor Fiteri & Masnisah, 2015).

Noor Fiteri & Masnisah (2015) juga mengetengahkan pengusaha tidak merasakan keperluan untuk mengambil sijil halal kerana tidak ingin terikat dengan peraturan dan pengauditan yang boleh menyebabkan sijil halal ditarik balik dan dikenakan tindakan. Jika mereka mendapatkan sijil halal tindakan berkaitan akta yang terlibat boleh dikenakan ke atas mereka.

Selain daripada kesedaran pengusaha yang menjadi cabaran, aspek sambutan daripada pengusaha Islam juga perlu diberi perhatian. Di Thailand, sambutan pengusaha Islam belum menggalakkan dan bilangannya sedikit berbanding dengan pengusaha bukan Islam iaitu hanya sekitar 1% daripada sijil yang dikeluarkan. Ini bermakna, 99% sijil halal yang dikeluarkan adalah kepada pengusaha bukan Islam. Hal yang sama berlaku di Malaysia walaupun mungkin peratusan pengusaha Islam yang memohon persijilan halal adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pengusaha Islam di Thailand.

“Di sini syarikat yang mohon sijil halal kebanyakan syarikat yang bukan islam (99% dari semua permohonan sijil halal) dan 1% dari syarikat Islam”.

(Palarea, 2015)⁷

“Dalam menggalakkan permohonan logo halal di kalangan pengusaha. Lebih ramai bukan Islam yang membuat permohonan. Antara alasan ialah permohonan untuk sijil halal ini adalah mahal dan mereka kurang kemampuan. Namun hakikatnya permohonan tersebut adalah pada harga murah dan mampu”.

(Mohd Romzi, 27 April 2015)

Tidak dinafikan, penduduk Islam di Thailand merupakan golongan minoriti dan hanya merangkumi 10% dari jumlah penduduk Thailand keseluruhan. Peratusan sebanyak 1% menggambarkan kedudukan ekonomi penduduk Islam di Thailand yang masih jauh ketinggalan di samping kefahaman pengusaha Muslim tentang konsep halal dan keperluan untuk mendapatkan sijil halal dalam perusahaan mereka masih di tahap yang rendah. Berbeza dengan pengusaha bukan Islam kebanyakannya mendapatkan sijil halal untuk tujuan eksport ke negara-negara Islam yang lain. Selain itu, sijil halal juga digunakan untuk mewujudkan keyakinan pengguna Islam dan bukan Islam untuk menggunakan produk tersebut kerana terjamin kebersihannya.

⁷ Temubual bersama Encik Surin Palarea, Setiausaha Agung, CICOT, 24 Jun 2015.

“Sebab pertama adalah dari segi eksport ke luar Negara. Makanan halal bukan hanya untuk eksport kepada orang islam tetapi orang yang bukan islam juga mengambil berat tentang halal. Yang kedua adalah kepercayaan dari segi kebersihan. Ramai orang islam di Thailand sendiri yang membeli makanan yang tiada sijil halal”.

(Palarea, 2015)

Aspek lain yang sangat berhubungan dengan cabaran ini ialah pendidikan kepenggunaan halal dalam kalangan pengguna Islam. Menurut Palarea (2015) kefahaman masyarakat Islam di Thailand berkaitan dengan undang - undang kepenggunaan halal juga masih di tahap yang rendah.

Kita perlu didik rakyat kita di masa kecil lagi untuk mengenal tentang halal kerana sekarang di sekolah sendiri tidak mengajar halal.

(Palarea, 2015)

Dalam konteks Malaysia, menurut Mohd Anuar Ramli et al. (2012) pendidikan kepenggunaan halal semakin berkembang dan ia didorong oleh kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengguna Islam. Program pendidikan kepenggunaan halal akan menyumbang kepada situasi menang-menang (*win-win situation*) di antara para pengguna dan pengusaha industri halal. Program ini signifikan bagi memberikan kesedaran tentang hak mendapatkan produk halal dan tanggungjawab memilih produk halal dalam kalangan pengguna Islam. Manakala bagi pengusaha industri halal pula, program ini dapat meningkatkan kefahaman tentang penghasilan produk halal dan tanggungjawabnya dalam menawarkan produk halal sama ada bagi pengguna Islam dan bukan Islam.

Kekurangan kakitangan

Menurut Ahmad Hidayat & Zulzaidi (2012) kekurangan kakitangan juga merupakan faktor yang menyebabkan pihak JAKIM dan JAIN tidak dapat menampung permintaan untuk pengeluaran sijil halal di Malaysia. Bagi mengelakkan keadaan ini, badan swasta diperlukan untuk mengurangkan beban JAKIM dan JAIN. Hal ini secara tidak langsung dapat mengembangkan pasaran halal dengan lebih cepat kerana badan persijilan seperti JAKIM, JAIN dan badan swasta dapat memberi galakan, sokongan, motivasi kepada pihak industri dengan cekap dan berkesan. Perkara ini telah diamalkan oleh negara Australia dan China yang mempunyai lebih daripada satu badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM (JAKIM, 2015).

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, JAKIM telah mengiktiraf 72 badan pensijilan halal dunia yang mana badan-badan ini mempunyai garis panduan yang sama dengan JAKIM dalam pengeluaran sijil halal. Jadi adalah wajar bagi pihak JAKIM mengiktiraf pihak swasta sebagai badan pengeluar sijil halal dengan bantuan kerajaan Malaysia bagi memastikan badan swasta tersebut mematuhi pelaksanaan audit halal yang sepatutnya. Hal ini dapat direalisasikan jika pihak yang dilantik itu adalah kompeten di samping wujudnya pemantauan yang berterusan dan konsisten daripada pihak yang dipertanggungjawabkan.

Menurut Noor Fiteri & Masnisah (2015) kekurangan kakitangan juga memberi kesan dalam pelaksanaan audit pematuhan yang memerlukan kakitangan bergabung dengan agensi lain

untuk melakukan pemeriksaan. Sebagai contoh laporan audit yang sepatutnya diserahkan secepat selepas proses pemeriksaan dilakukan tidak dapat disegerakan atas alasan tersebut. Laporan audit hanya boleh diperolehi dalam masa empat hari selepas proses audit dilakukan.

John Walsh dalam kertas kerjanya membangkitkan isu berkaitan sejauh mana CICOT mampu mempercepat proses pensijilan halal bagi sesuatu produk apabila sesuatu permohonan itu dikemukakan. Hal ini kerana CICOT tidak mempunyai unit pembangunan dan penyelidikan (teknikal) yang lengkap, yang mampu memproses permohonan tersebut secara segera. Hakikatnya CICOT perlu mendapatkan bantuan pihak ketiga untuk melakukan ujian makmal dan analisis serta melakukan pemeriksaan di premis dan sebagainya. Kebiasaannya pihak ketiga ini terdiri daripada pakar teknologi pemakanan, ahli kimia dan pakar-pakar daripada universiti. Semua prosedur ini dibantu oleh HSC, University of Chulalongkorn. Berikut adalah prosedur permohonan logo dan audit halal yang dilaksanakan oleh CICOT (Halal Standard Institute of Thailand, 2015),

1. Bagi wilayah yang tidak mempunyai Jawatankuasa Islam Wilayah, pengusaha boleh memohon untuk mendapatkan sijil halal dengan mengemukakan permohonan kepada CICOT.
2. CICOT akan menyemak permohonan yang dikemukakan .
3. Bagi pengusaha baru yang belum pernah memiliki sijil halal akan diminta untuk menghadiri kursus halal yang dianjurkan oleh CICOT.
4. Setelah menamatkan kursus, permohonan yang dikemukakan akan diproses untuk kelulusan.
5. Setelah mendapat kelulusan, CICOT akan menubuhkan Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada ahli akademik, pakar sains makanan, pakar industri yang akan memantau keseluruhan proses pengeluaran makanan.
6. Pasukan Audit juga akan mengumpulkan sampel produk dan bahan mentah yang diragui. Sampel akan dihantar ke Halal Science Centre di Chulalongkorn untuk dianalisis. Keputusan analisis akan dihantar semula ke CICOT untuk tindakan selanjutnya.
7. Setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Hal Ehwat Halal, permohonan selanjutnya akan diserahkan kepada CICOT untuk kelulusan terakhir menggunakan logo halal. Sekiranya wujud sebarang permasalahan bersabit bahan yang digunakan kes akan dirujuk kepada Majlis Ulama untuk halal.

KESIMPULAN

Perkembangan industri halal di Malaysia dan Thailand amat memberangsangkan dan menunjukkan perkembangan yang positif ke arah merealisasikan hasrat negara masing-masing untuk menjadi negara utama dalam menawarkan produk halal kepada dunia. Pensijilan halal di kedua-dua negara dikawal oleh akta, standard dan prosedur yang digubal selari dengan kehendak syariah bagi menghasilkan produk halal-*tayyib* yang menjadi pilihan pengguna Muslim dan bukan Muslim. Oleh kerana industri ini telah berkembang untuk sekian tempoh, jadi terdapat peluang dan kelebihan yang boleh menjadi pemangkin serta isu dan cabaran yang perlu ditangani secara komprehensif.

Dapatan awal kajian ini merumuskan walaupun mempunyai latar belakang agama, kependudukan dan sosio-ekonomi yang berbeza, kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Thailand menghadapi isu dan cabaran yang hampir sama dalam menguruskan pensijilan halal. Cabaran yang dikenal pasti antaranya ketiadaan peruntukan undang-undang yang khusus, integriti daripada pihak pengusaha produk halal, ketidakupayaan pemasaran yang efisien dan efektif bagi produk halal, penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang berkaitan halal dan kesedaran pengusaha untuk memohon sijil halal. Kerjasama yang erat antara kedua-dua buah negara dalam menyelesaikan isu dan cabaran pensijilan halal adalah jalan terbaik dalam menjadikan industri halal ini terus berkembang dan mempromosikan rantau Asean sebagai hub makanan halal dunia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah salah satu hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015; Geran Penyelidikan Primer (GPP), Kolej Universiti Islam Selangor.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmood, (2012), Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil 3, pp 271-278
- Halal Industry Development Corporation (HDC), (2015) atas talian <http://www.hdcglobal.com>
- Halal Standard Institute of Thailand, (2015), *Courtesy of Halal Standard Institute of Thailand* atas talian <http://www.halalrc.org>. (15 November 2015)
- JAKIM, (2012), *Inisiatif dan Impak Pelaksanaan Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal*, Kuala Lumpur: JAKIM.
- JAKIM, (2014), *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga)*, Kuala Lumpur: JAKIM.
- JAKIM, (2015), *The Recognised Foreign Halal Certification Bodies and Authorities* (as at 31 July 2015), Kuala Lumpur: JAKIM.
- Mahani Abdul, (2014), Perception on Halal Food Certification in Hat Yai, Thailand, *International Journal of Economics and Management*, 8(1), pp178-194.
- Md Mahfujur Rahman & Sharifah Bee Abd Hamid, (2015), DNA Combat Food Frauds and Ensure Halalan Tayyiban Foods, dalam Suhaili Sarif et.al (Ed.), *Perspektif Industri Halal Perkembangan dan Isu-isu*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Pengurusan.
- Mohd Al'ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md Sawari, (2015a), Standard Piawaian Halal di Malaysia Menurut Perundangan, Kelebihan dan Kekurangan, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 02 (2015), pp 56-61.
- Mohd Al'ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md Sawari, (2015b), Mengglobalisasikan Sistem Piawaian Standard Halal Malaysia Peringkat Dunia, *Sains Humanika*, 5:3 (2015), pp 15-20.
- Mohd Anuar Ramli et al. (2012), Pendidikan Kepenggunaan Halal di Malaysia, dlm. Norarfan Zainal et al. (editor). *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, pp 148-152.
- Muslim Population, (2015), atas talian <http://www.muslimpopulation.com/World/> (23 November 2015)

- Nurulaina Saidin et. al, (2015), Makanan Haiwan Halal: Tinjauan Rangka Kerja Perundangan dan Peraturan Makanan Haiwan di Malaysia, dalam Suhaili Sarif et.al (Ed.), *Perspektif Industri Halal Perkembangan dan Isu-isu*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Pengurusan
- Noor Fiteri Abdullah & Masnisah Mukhtar, (2015), “Cabaran Pelaksanaan Pensijilan Halal di Perlis: Pengalaman Penyelidikan dan Hab Halal”, dalam *Proceeding of the 2nd International Convention on Islamic Management 2015*, Kuala Lumpur, 4-5 November.
- Sazelin Arif, (2009), Keupayaan Pemasaran dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal, MALIM, Bil. 10, pp183-208
- Walsh. J. Halal Certified Food: An International Challenge & Opportunity for Small & Medium Food Manufacturing Fiem Located in Bangkok Province.
- Zulkifli Hasan, (2009), Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Prosiding Konvensyen Undang-Undang

Temubual bersama Encik Mohamed Romzi Sulaiman, Pengurus Kanan HDC, 27 April 2015.
Temubual bersama Encik Surin Palarea, Setiausaha Agung CICOT, 24 Jun 2015.
Temubual bersama Dr Winai Dahlan, Pengarah Halal Science Centre, Chulalongkorn University, 25 Jun 2015.
Temubual bersama Mrs Sulida, Halal Science Centre, Chulalongkorn University, 25 Jun 2015.